

MALAYSIA - MESIR
(1) 1984 .

OLEH AHMAD REJAL ARBEE

KAHIRAH, 13 DIS. (BERNAMA) -- MALAYSIA DAN MESIR TELAH BERSETUJU UNTUK MENINGKATKAN PERHUBUNGAN MELIPUTI PELBAGAI BIDANG TERMASUK PELAJARAN, PERDAGANGAN, PELABURAN DAN PELANCONGAN.

INI BERIKUTAN DENGAN PERBINCANGAN BERASINGAN YANG DIADAKAN DI SINI HARI INI ANTARA PEROANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD DENGAN PRESIDEN HOSNI MOBARAK DAN PEROANA MENTERI, ENCIK KAMAL HASSAN ALY SERTA PARA PEGAWAI KEDUA-DUA BUAH NEGARA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS PERBINCANGAN TERSEBUT HARI INI BAHAWA TERDAPAT JUGA PELUANG UNTUK MEMAJUKAN PELANCONGAN DI ANTARA KEDUA-DUA NEGARA.

SISTEM PENERBANGAN MALAYSIA (MAS) DAN EGYPT AIR AKAN DIMINTA SUPAYA MENGAJAI KEMUNGKINAN MENGADAKAN PENERBANGAN ANTARA KUALA LUMPUR DAN KAHIRAH BAGI KEMUDAHAN PERJALANAN UDARA DI ANTARA KEDUA-DUA NEGARA.

DATUK DR. SERI MAHATHIR MEMPUNYAI PROGRAM LAWATAN SEPENUHNYA HARI INI

-IAITU HARI KEDUA DALAM SEBAHAGIAN DARIPADA RANGKA LAWATANNYA KE SINI TERMASUK MENGADAKAN MESYUARAT SELAMA 45 MINIT DENGAN PRESIDEN MOBARAK 01 ISTANA QUABA HADISINI PAGI INI.

TURUT HAOR DIME SYUARAT TERSEBUT IALAH MENTERI LUAR, TENGGU AHMAD RITHAUDEEN DAN HENTERI PERTANIAN, ENCIK ANUAR IBRAHIM.

PERDANA MENTERI DAN ANGGOTA ROMBONGANNYA KEHUALAUM TELAH MENGADAKAN PERBINCANGAN SELAMA HAMPPIR OUA JAM' OENGAN PARA PEGAWAI MESIR YANG DIKETUAI OLEH ENCIK ALY.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BAHAWA MESIR JUGA TELAH BERSETUJU MENJADI PENAJA BERSAMA UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA DI KUALA LUMPUR, MENJADIKANNYA NEGARA ARAB YANG KEDUA SELEPAS LIBYA YANG TELAH BERBUAT OEMIKIAN.

NEGARA-NEGARA LAIN YANG TELAH TURUT MENAJA BERSAMA UNIVERSITI ITU IALAH PAKISTAN,, BANGLADESH DAN MALDIVES.

BELIAU BERKATA KE OUA OUA NEGARA TELAH MENCAPAI PERSETUJUAN SEPENUHNYA DALAM KEBANYAKAN BIDANG DAN AKAN MEMPERTINGKATKAN PERHUBUNGAN TERMASUK DALAM BIDANG EKONOMI DAN PERNIAGAAN.

PARA PEGAWAI MEMBERITAHU BERNAMA HARI INI BAHAWA MALAYSIA JUGA TELAH MEMINTA DIBERIKAN LEBIH BANYAK TEMPAT KEPADA PARA PELAJAR MALAYSIA DI UNIVERSITI-UNIVERSITI 01 SINI TERUTAMA DALAM BIDANG PERUBATAN DAN KEJURUTERAAN.